

BAB KEEMPAT

KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT SELEPAS PENUBUHAN PUSAT KUTIPAN ZAKAT PAHANG

Rekod kutipan zakat harta di negeri Pahang meningkat begitu ketara selepas penubuhan Pusat Kutipan Zakat (PKZP) pada tahun 1996. Peningkatan kutipan sekaligus menambahkan bilangan pengeluar zakat harta.

Selepas lima tahun operasi PKZP, kutipan zakat harta mencatatkan lonjakan melebihi 100 peratus. Daripada RM 5,152,502.18 pada tahun 1995, meningkat kepada RM 10,663,558.00 pada tahun 2000, lebihan sebanyak RM 5,511,055.82. Bilangan pengeluar zakat harta tahun tersebut ialah 15,497 orang berbanding 5,100 orang pada tahun 1995. [Lihat Jadual 4.1].

*Jadual 4.1: Perbezaan Kutipan Dan Bilangan Pengeluar Zakat
Harta Bagi Tahun 1995 dan 2000*

1995		2000		Perbezaan		% Amaun (RM)	
Bil.	Amaun (RM)	Bil.	Amaun (RM)	Bil.	Amaun (RM)	Bil.	Amaun (RM)
5,100	5,152,502.18	15,497	10,663,558	10,397	5,511,055.82	203%	106%

Sumber: PKZP

Pertambahan bilangan pengeluar zakat harta menunjukkan keperihatinan masyarakat menuaikan tanggungjawab keagamaan. Oleh itu, semakin ramai golongan yang dapat dibantu. Situasi menyerlahkan hikmah berzakat natijah daripada sistem pengurusannya yang efisyen.

4.1 STATISTIK DAN PERANGKAAN KUTIPAN ZAKAT (1996 – 2000)

Program-program penerangan, kempen dan promosi Sakata secara berterusan menerusi pelbagai method dan pendekatan berjaya menarik minat orangramai untuk membayar zakat.

Keadaan ini terus berkembang sehingga membentuk suatu kefahaman bahawa membayar zakat bukan sekadar untuk melepassi tanggungjawab keagamaan, lebih dari itu, zakat merupakan satu mekanisme penting bagi menyusun pola-pola kehidupan yang harmonis. Melalui sumbangan wajib kewangan dan kehartaan, konsep pengagihan sumber kekayaan seimbang dapat diaplikasikan di dalam masyarakat.

Kesedaran inilah yang mempengaruhi peningkatan kutipan zakat dari masa ke semasa.

4.1.1 STATISTIK KUTIPAN ZAKAT HARTA

Rekod kutipan zakat harta di seluruh negeri Pahang bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 adalah seperti mana dalam Jadual 4.1.1 (a).

Jadual 4.1.1 (a): Rekod Kutipan Dan Bilangan Pengeluar Zakat Harta Mengikut Tahun

Tahun	Bil. Pengeluar	Amaun (RM)	Perbezaan	Peratusan
1996	6,823	5,432,013.00	-	-
1997	9,760	6,772,000.00	+ 1,339,987.00	24.67 %
1998	17,242	7,257,974.00	+ 485,974.00	7.18 %
1999	12,477	6,861,070.00	- 39,6904.00	- 5.47 %
2000	15,497	10,663,558.00	+ 3,802,488.00	55.42 %

Sumber: PKZP

+ Peningkatan

- Pengurangan

Secara keseluruhannya dalam tempoh lima tahun (1996 – 2000), kutipan zakat harta meningkat pada kadar purata tahunan kira-kira 20 peratus. Kutipan tahun 2000 menyaksikan lonjakan paling tinggi mencecah peningkatan 55.42 peratus dengan perbezaan kutipan sejumlah RM 3,802,488.00 berbanding tahun sebelumnya.

Peningkatan mendadak ini disebabkan kemerosotan kutipan sebanyak 5.47 peratus pada tahun 1999 dengan catatan kekurangan sebanyak RM 396,904.00 berbanding tahun 1998. Pengurangan ini dikaitkan dengan iklim dan suasana

pasaran dan ekonomi negara semasa. Pengurangan kutipan zakat juga boleh dilihat menerusi petunjuk bilangan pengeluar yang menurun. Pada tahun 1998, bilangannya ialah 17,242 berbanding 12,477 orang pada tahun 1999.

Selepas pelancaran kempen dan penierangan zakat peringkat negeri pada tahun 1996, kutipan zakat dari sumber-sumber perniagaan, pendapatan profesional, wang simpanan dan harta meningkat begitu drastik. Ia menjadi penyumbang utama kutipan zakat tahun. [Lihat Jadual 4.1.1 (b)(i) dan 4.1.1 (b)(ii)].

Jadual 4.1.1 (b) (i): Rekod Kutipan Zakat Mengikut Jenis Bagi Tahun 1996 – 1997

Jenis Zakat	1996		1997	
	Bil.	Amaun (RM)	Bil.	Amaun (RM)
Perniagaan	468	1,208,905.00	623	2,024,648.00
Pendapatan	2,548	785,391.00	3,761	928,370.00
W/ Simpanan	2,816	1,461,540.00	4,127	2,399,528.00
Harta	613	1,626,446.00	799	1,202,004.00
Saham	187	283,590.00	162	133,570.00
Emas	88	16,844.00	189	36,950.00
Ternakan	16	14,000.00	24	19,872.00
Tanaman	28	11,188.00	28	7,918.00
Qada'	59	24,109.00	47	19,140.00
Jumlah	6,823	5,432,013.00	9,760	6,772,000.00

Sumber: PKZP

Pada tahun 1996, sebanyak RM 5,082,282.00 dikumpulkan melalui sumber-sumber pendapatan, perniagaan, wang simpanan dan harta, iaitu 93.6 peratus daripada kutipan keseluruhan tahun tersebut berjumlah RM 5,432,013.00. Ia disumbangkan oleh 6,445 pengeluar iaitu 94.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluar zakat harta di seluruh negeri Pahang.

Jadual 4.1.1 (b) (ii): Rekod Kutipan Zakat Mengikut Jenis Bagi Tahun 1998 – 2000

Jenis Zakat	1998		1999		2000	
	Bil.	Amaun (RM)	Bil.	Amaun (RM)	Bil.	Amaun (RM)
Perniagaan	676	2,034,525.00	762	1,819,223.00	854	3,424,647.00
Pendapatan	9,925	1,136,872.00	4,244	1,177,315.00	7,689	3,023,340.00
W/ Simpanan	5,008	2,514,400.00	5,101	2,662,942.00	5,222	2,789,960.00
Harta	954	1,268,440.00	806	918,306.00	785	1,104,300.00
Saham	154	154,089.00	158	117,643.00	163	150,210.00
Emas	397	74,938.00	571	86,581.00	603	92,691.00
Ternakan	36	27,587.00	43	43,310.00	38	42,162.00
Tanaman	37	11,440.00	53	11,316.00	112	14,421.00
Qada'	55	35,678.00	48	24,496.00	31	21,827.00
Jumlah	17,242	7,257,974.00	11,786	6,861,070.00	15,497	10,663,558.00

Sumber: PKZP

Pada tahun 1997 pula kutipan zakat meningkat menjadi RM 6,554,550.00 yang melibatkan seramai 9,310 orang pengeluar. Kutipan kali ini menyamai 96.8 peratus kutipan keseluruhan zakat harta berjumlah RM 6,772,000.00. Peratusan pengeluar pula ialah 95.4 peratus.

Setahun kemudian, iaitu 1998, kutipan meningkat kepada RM 6,954,237.00 atau 95.8 peratus. Manakala peratusan pengeluar meningkat kepada 96.1 peratus yang melibatkan bilangan peneluar zakat seramai 16,563 orang.

Pada tahun 1999, bilangan pengeluar zakat daripada keempat-empat sumber berkenaan di negeri Pahang berkurang sedikit menjadi 10,913 orang melibatkan jumlah kutipannya menurun kepada RM 6,577,786.00 berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, ia masih menyumbangkan 95.9 peratus kutipan seluruh negeri dengan peratusan pengeluar 92.6 peratus.

Pada tahun 2000, kutipan zakat pendapatan, perniagaan, wang simpanan dan harta melonjak begitu tinggi berjumlah RM 10,342,247.00 melibatkan 14,550 orang pengeluar. Kutipan kali ini adalah 97 peratus daripada jumlah zakat harta negeri Pahang tahun 2000. Peratusan pengeluar ialah 93.9 peratus.

Daripada keempat-empat sumber tersebut, pendapatan profesional menunjukkan peningkatan yang begitu ketara. Jumlah kutipannya meningkat 285 peratus menjadi RM 3,023,340.00 pada tahun 2000 berbanding RM 78,939.00 pada tahun 1996 dengan lebihan sebanyak RM 2,237,949.00.

Jumlah pengeluar zakat di kalangan pegawai dan kakitangan profesional dari sektor awam dan swasta meningkat 205 peratus menjadi 7,689 orang dalam tempoh tersebut. Kebanyakannya mereka menyertai Skim Potongan Zakat (SPZ) anjuran PKZP. Skim ini merupakan kemudahan yang diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Sehingga 31 Disember 2000, seramai 5,885 kakitangan awam dan swasta di negeri ini membuat potongan gaji bagi menunaikan zakat pendapatan yang melibatkan bayaran kira-kira RM 2.1 juta.¹

Berdasarkan panduan Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang dikeluarkan oleh LHDN untuk tahun 2000, majikan boleh terus membuat pelarasan dengan mengurangkan bayaran PCB yang perlu dihantar kepada LHDN berdasarkan potongan gaji untuk bayaran zakat tanpa perlu merujuk atau meminta kebenaran daripada LHDN.

Pembayar cukai boleh terus mengarahkan majikan membuat potongan zakat dengan menggunakan borang arahan PZ008 yang dibekalkan oleh PKZP.

Satu perkara yang menarik di dalam statistik kutipan zakat harta di negeri ini ialah persoalan zakat qada'. Ia merupakan bayaran zakat yang digantri bagi

tahun-tahun sebelumnya. Sebahagian besar zakat qada' adalah bersumber harta perniagaan, wang simpanan dan barangang kemas.²

;

Pada tahun 1996, bilangan pengeluar yang mengqada'kan zakat adalah seramai 59 orang yang melibatkan bayaran sejumlah RM 24,109.00. Pada tahun 1997, bilangan pengeluarnya seramai 47 orang dengan kutipan sebanyak RM 19,140.00.

Kutipan zakat qada' pada tahun 1998 adalah yang tertinggi berjumlah RM 35,678.00 dengan pengeluar seramai 55 orang. Setahun kemudian jumlah bayaran zakat ini menurun kepada RM 24,496.00, melibatkan 48 orang pengeluar. Pada tahun 2000, seramai 31 orang membayar zakat qada' berjumlah RM 21,827.00.

Pembayaran zakat secara qada' menunjukkan tahap kesedaran berzakat yang semakin tinggi di kalangan orangramai. Mereka sanggup berkorban untuk menggantikan bayaran zakat walaupun kadang-kadang harta yang dikenakan zakat telah habis dibelanjakan. Ini menandakan suatu perkembangan yang baik bagi pentadbiran institusi zakat di negeri ini.

Amalan ini menepati pandangan para ulama. Al-Qaradawi misalnya berpendapat bahawa wajib membayar zakat bagi tahun-tahun yang ditinggalkan

samada secara sengaja atau sebaliknya kerana zakat merupakan hak golongan tertentu yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t). Hak ini tidak akan gugur, walaupun terlewat setahun atau beberapa tahun.³

Menurut al-Nawawi, orang-orang yang tidak membayar zakat selama 60 tahun atau lebih, semua hartanya wajibkan dizakatkan.⁴ Oleh itu, jika seseorang yang tidak membayar zakat meninggal dunia, zakat hendaklah diambil daripada harta peninggalannya walaupun si mati tidak meninggalkan wasiat. Ini adalah pendapat jumhur ulama termasuk Imam al-Syāfi‘ī,⁵ Ahmad, Ishāk, Abū Thūr dan Ibn Mundhir.⁶ Juga pendapat Imam ‘Atā’, Ḥassan, Zuhri, Qatādah dan Mālik.⁷

Oleh itu, amalan zakat qada’ adalah baik dan perlu dikembangkan supaya lebih banyak hak orang lain dapat dipelihara.

Bagi memastikan pengurusan yang efisyen, PKZP beroperasi mengikut sistem zon. Terdapat tiga zon iaitu Zon 1 (Kuantan, Pekan dan Rompin), Zon 2 (Temerloh, Jengka, Jerantut, Maran dan Bera) dan Zon 3 (Raub, Lipis, Bentong dan Cameron Highland).

Rekod kutipan zakat di setiap zon adalah berbeza berdasarkan kepadatan pendudukan Islam dan aspek pembangunan. [Lihat Jadual 4.1.1 (c)].

Jadual 4.1.1 (c): Perbandingan Kutipan Zakat Harta Mengikut Zon 1998 – 2000

ZON	1998 (RM)	%	1999 (RM)	%	2000 (RM)	%
ZON 1						
Kuantan	3,879,516.00		3,618,676.00		6,391,301.00	
Pekan	335,621.00		381,720.00		531,109.00	
Rompin	573,763.00		364,619.00		419,425.00	
Jumlah	4,788,900.00	66	4,365,015.00	63.6	7,341,835.00	68.9
ZON 2						
Temerloh	1,005,745.00		836,246.00		1,086,971.00	
Jengka	135,619.00		223,323.00		298,686.00	
Jerantut	226,384.00		239,086.00		361,459.00	
Maran	137,431.00		227,336.00		136,525.00	
Bera	75,842.00		86,009.00		78,546.00	
Jumlah	1,581,027.00	21.8	1,502,000.00	21.9	1,962,187.00	18.5
ZON 3						
Raub	353,249.00		383,511.00		475,777.00	
Lipis	242,558.00		263,107.00		371,193.00	
Bentong	271,275.00		314,004.00		438,911.00	
C/ Highland	20,971.00		33,433.00		45,540.00	
Jumlah	888,653.00	12.2	994,055.00	14.5	1,331,421.00	12.6
JUMLAH	7,257,974.00		6,861,070.00		10,663,558.00	

Sumber: PKZP

Secara umum, untuk tempoh tiga tahun terakhir (1998, 1999, 2000), Zon 1 menyumbangkan kira-kira 65 peratus, Zon 2, 20 peratus manakala Zon 3, 15 peratus kutipan zakat harta di negeri Pahang.

Pada tahun 1998, sejumlah RM 4,788,900.00 zakat dikumpulkan oleh Zon 1 iaitu 66 peratus daripada jumlah kutipan tahun tersebut. Setahun kemudian,

kutipannya menurun sedikit kepada RM 4,365,015.00 (63.6 peratus) tetapi meningkat menjadi RM 7,341,835.00 (68.9 peratus) pada tahun 2000.

Kutipan zakat di Zon 2 pada tahun 1998 pula berjumlah RM 1,581,027.00

(21.8 peratus) manakala RM 1,502,000.00 (21.9 peratus) dan RM 1,962,187.00 (18.5 peratus) masing-masing pada tahun 1999 dan 2000. Di Zon 3, kutipannya berjumlah RM 888,053.00 (12.2 peratus), RM 994,055.00 (14.5 peratus) dan RM 1,331,421.00 (12.6 peratus) mengikut turutan tahun-tahun tersebut.

Hampir 70 peratus, iaitu kira-kira 901,000 daripada 1,292,000 penduduk negeri Pahang beragama Islam. Sekitar 44.8 peratus (403,800 orang) tinggal di Zon 1, 36.8 peratus (331,500 orang) di Zon 2 dan 18.4 peratus (165,700 orang) di Zon 3. Dikaji mengikut pecahan daerah, Kuantan, Temerloh, Raub dan Pekan adalah penyumbang zakat harta terbanyak di negeri ini. [Lihat Jadual 4.1.1 (d)].

Jadual 4.1.1 (d): Rekod Kutipan Zakat Harta Mengikut Daerah Bagi Tahun 1998 – 2000

Daerah	1998	%	1999	%	2000	%	Jumlah
Kuantan	3,879,516.00	53.5	3,618,676.00	52.7	6,391,301.00	60.0	13,889,493.00
Temerloh	1,005,745.00	13.9	836,246.00	12.2	1,086,971.00	10.2	2,928,962.00
Raub	353,249.00	4.9	383,511.00	5.6	475,777.00	4.5	1,212,537.00
Pekan	335,621.00	4.6	381,720.00	5.6	531,109.00	5.0	1,248,450.00
Jumlah	5,574,131.00		5,220,153.00	76.1	8485158	79.7	19,279,442.00

Sumber: PKZP

Pada tahun 1998, keempat-empat daerah ini menyumbangkan 76.9 peratus daripada jumlah kutipan seluruh negeri, iaitu sejumlah RM 5,574,131.00. Ia merosot sedikit kepada 76.1 peratus, iaitu dengan nilai RM 5,220,153.00 pada tahun 1999, kemudiannya meningkat kepada 79.7 peratus pada tahun 2000 dengan jumlah kutipan RM 8,485,158.00. Dalam tempoh tersebut, daerah-daerah ini menyumbangkan antara 76 – 80 peratus daripada kutipan zakat harta.

Kuantan merupakan daerah yang paling banyak mengumpulkan zakat dengan kutipan tahunan melebihi 50 peratus. Kutipan untuk tahun-tahun 1998, 1999 dan 2000 ialah RM 3,879,516.00 (53.5 peratus), RM 3,618,676.00 (52.7 peratus) dan RM 6,391,301.00 (60 peratus).

Daerah Kuantan, pusat pentadbiran kerajaan negeri Pahang Darul Makmur mempunyai anggaran penduduk Islam berjumlah 224,600 orang, iaitu 69.9 peratus daripada 321,500 orang penduduk di daerah tersebut.

Penduduk Islam di Temerloh berjumlah 94,900 orang (66.1 peratus), Pekan seramai 95,000 orang (85.9 peratus) manakala di Raub berjumlah 46,300 orang (53.2 peratus).

4.1.2 STASTIK KUTIPAN ZAKAT FITRAH

Fitrah dikutip sepanjang bulan Ramadan pada setiap tahun. Ia adalah zakat wajib sempena berpuasa Ramadan. Di negeri Pahang, fitrah diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis dan dikutip oleh amil-amil bertauliah yang dilantik di semua daerah. Pelaksanaannya berdasarkan Kaedah-Kaedah Zakat dan Fitrah 1970 yang antara lain menjelaskan tentang perlantikan amil, bidangkuasa dan penentuan kadar fitrah.

Penubuhan PKZP tidak mengubah mekanisme pentadbiran zakat fitrah yang kekal di bawah bidangkuasa Majlis. Fitrah dikutip daripada semua pemastautin negeri Pahang berdasarkan buku daftar pembayar yang direkodkan oleh Majlis. Kutipan fitrah bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 adalah seperti mana yang ditunjukkan oleh Jadual 4.1.2 (a).

Jadual 4.1.2 (a): Rekod Kutipan Zakat Fitrah Mengikut Tahun (1996 – 2000)

Tahun	Amaun (RM)	Perbezaan	Peratusan
1996	2,159,183.00	-	-
1997	2,514,765.00	+ 355,582.00	1.77 %
1998	2,560,207.00	+ 45,442.00	14.13 %
1999	2,490,832.00	- 69,370.00	- 2.79 %
2000	2,906,134.00	+ 415,297.00	14.29 %

Sumber: MUIP

+ Peningkatan
- Pengurangan

Pada umumnya, kutipan zakat fitrah meningkat pada setiap tahun kecuali penurunan sebanyak 2.79 peratus pada tahun 1999 yang turut dikaitkan dengan kelembapan ekonomi negara. Bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000, kutipan Zakat fitrah di negeri ini meningkat pada kadar purata 6.85 peratus setahun. Kutipan pada tahun 2000 (1420 H) meningkat 14.29 peratus, pertambahan sebanyak RM 415,297.00 menjadikan jumlah terkumpul RM 2,906,134.00 [Lihat Jadual 4.1.2 (b)].

Jadual 4.1.2 (b): Penyata Kutipan Zakat Fitrah Bagi Tahun 1419H – 1420H Mengikut Daerah

Daerah	1419H/ 1999		1420H/ 2000		Perbezaan	
	Amaun (RM)	Bil. Pembayar	Amaun (RM)	Bil. Pembayar	Amaun (RM)	Bil. Pembayar
Kuantan	572,589.00	190,863	681,054.50	194,587	108,465.50	+3,724
Temerloh	427,680.00	142,560	489,678.00	139,908	61,998.00	-2,652
Rompin	241,344.00	80448	280,315.00	80,900	38,971.00	-358
Pekan	244,344.00	81,448	276,608.50	79,031	32,645.50	-2,417
Jerantut	230,703.00	76,901	261,415.00	74,690	30,712.00	-2,211
Maran	216,564.00	72,188	247,873.50	70,821	31,309.50	-1,367
Lipis	139,980.00	46,660	188,653.50	53,901	48,673.50	+7,241
Bentong	156,519.00	52,173	177,590.00	50,740	21,071.00	-1,433
Raub	129,309.00	43,103	147,980.00	42,280	18,671.00	-823
Chenor	115,101.00	38,367	130,833.50	37,381	15,732.50	-986
Cameron	16,704.00	5,568	24,132.50	6,895	7,428.50	+1,327
Jumlah	2,490,837.00	830,279	2,906,134.00	830,324	415,297.00	+45

Sumber: MUIP

+ Peningkatan

- Pengurangan

Sebenarnya pertambahan sebanyak 14.29 peratus kutipan fitrah pada tahun 2000 disebabkan kenaikan harga fitrah kepada RM 3.50 berbanding RM 3.00 pada tahun-tahun sebelumnya, sedangkan pertambahan pembayar hanya seramai 45 orang. Ini menyebabkan semua daerah mengalami pengurangan jumlah pembayar kecuali di daerah Kuantan, Lipis dan Cameron Highland.

Menurut laporan Majlis Agama Islam Pahang dianggarkan 12,247 orang pemastautin di negeri Pahang yang tidak membayar zakat fitrah kepada pihaknya, melibatkan pengurangan kutipan sebanyak RM 42,864.50.

Kuantan mencatatkan bilangan pembayar zakat fitrah teramai iaitu 190,863 orang pada tahun 1999 dan angka ini meningkat menjadi 194,587 setahun kemudiannya. Daripada bilangan tersebut, jumlah kutipan fitrah ialah RM 572,587.00 dan RM 681,054.50 pada tahun 1999 dan 2000.

4.1.3 STATISTIK KUTIPAN ZAKAT HARTA DAN FITRAH

Statistik kutipan zakat sepanjang tempoh 1999 hingga 2000 bagi seluruh negeri Pahang adalah sebagaimana dicatatkan di dalam Jadual 4.1.3 (a).

Jadual 4.1.3 (a): Rekod Kutipan Zakat Negeri Pahang Bagi Tahun 1996– 2000

Tahun	Amaun Harta	%	Amaun Fitrah	%	Jumlah
1996	5,432,013.00	71.56 %	2,159,183.00	28.44 %	7,591,196.00
1997	6,772,000.00	72.92 %	2,514,765.00	27.08 %	9,286,765.00
1998	7,257,974.00	73.92 %	2,560,207.00	26.08 %	9,818,181.00
1999	6,861,070.00	73.36 %	2,490,832.00	26.64 %	9,351,902.00
2000	10,663,558.00	78.58 %	2,906,134.00	21.42 %	13,569,692.00
Jumlah	36,986,615.00	74.54 %	12,631,121.00	25.46 %	49,617,736.00

Sumber: MUIP dan PKZP

Zakat harta menyumbang lebih 70 peratus daripada jumlah kutipan zakat tahunan di negeri Pahang. Pada tahun 1996, sejumlah RM 5,432,013.00 atau 71.56 peratus zakat harta dikutip. Setahun kemudian, peratusannya meningkat kepada 72.92 peratus atau RM 6,772,000.00. Peratus kutipan pada tahun 1998 dan 1999 pula ialah 73.92 peratus atau RM 7,257,974.00 dan 73.36 peratus atau RM 6,861,070.00. Pada tahun 2000, peratusan ini meningkat kepada 78.58 peratus dengan kutipan sebanyak RM 10,663,558.00.

Sepanjang tempoh 1996 hingga 2000, purata kutipan zakat harta meningkat pada kadar 1.4 peratus setahun menjadikan pencapaian purata tahunan sebanyak 74.07 peratus berbanding zakat fitrah. Sehubungan dengan itu, kutipan zakat fitrah mengalami penurunan purata sebanyak 1.4 peratus setahun sepanjang tempoh tersebut.

Peratusan kutipan fitrah pada tahun 1996 ialah 28.44 peratus mewakili RM 2,159,183.00, 27.08 peratus atau RM 2,514,765.00 pada tahun 1997, 26.08 peratus (RM 2,560,207.00) pada tahun 1998 dan 26.64 peratus (RM 2,490,832.00) bagi tahun 1999. Kutipan fitrah bagi tahun 2000 menurun kepada 21.42 peratus atau RM 2,906,134.00.

Walaupun peratusan kutipan fitrah menurun tetapi jumlah kutipannya dalam tempoh tersebut bertambah pada kadar purata 6.85 peratus setahun. Jumlah kutipan fitrah pada tahun 1997 misalnya bertambah sebanyak RM 355,582.00 berbanding tahun 1996. Setahun kemudian, kutipan fitrah meningkat sebanyak RM 45,442.00 kepada RM 2,560.207.00.

4.2 STATISTIK AGIHAN/ PERBELANJAAN ZAKAT

Kuasa mengagihkan zakat di negeri Pahang adalah di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam. PKZP hanya ditubuhkan untuk mengendalikan urusan kutipan zakat harta sahaja dan tidak boleh mencampuri kuasa untuk mengagihkan zakat. Oleh itu, PKZP akan mendapat satu perlapan daripada jumlah kutipan zakat harta sebagai menyempurnakan agihan kepada asnaf amil.

PKZP, setelah menyerahkan kutipan zakat bulanan, akan dibayar sebanyak satu perlapan daripada kutipan tersebut oleh pihak Majlis. Dengan wang inilah, PKZP membiayai segala kos urusannya seperti pentadbiran, logistik, urusan penerangan dan kempen serta program-program kemasyarakatan. Misalnya pada tahun 2000, PKZP mendapat sebanyak RM 1,332,944.70.

Sebelum pengagihan dilakukan, Majlis menyediakan kertas cadangan dan anggaran peruntukan tahunan yang dibuatkan berdasarkan arah aliran kutipan zakat. Biasanya anggaran ini sentiasa meningkat dari tahun ke setahun. [Lihat Jadual 4.2 (a)].

Jadual 4.2 (a): Anggaran Agihan Zakat Bagi Tahun 1996 – 2000

Asnaf	1996	1997	1998	1999	2000
Fakir	240,000.00	240,000.00	250,000.00	230,000.00	230,000.00
Miskin	1,300,000.00	1,300,000.00	1,310,000.00	1,115,000.00	1,115,000.00
Amil	874,400.00	1,000,000.00	1,134,400.00	1,125,400.00	1,125,000.00
Muallaf	305,000.00	305,000.00	435,500.00	390,500.00	390,000.00
Riqab	30,000.00	30,000.00	30,000.00	30,000.00	30,000.00
Għarimini	70,000.00	70,000.00	100,000.00	100,000.00	100,000.00
Fi Sabili l-Lah	4,025,800.00	4,876,100.00	5,585,200.00	5,530,000.00	5,780,000.00
Ibnu Sabil	150,000.00	150,000.00	230,000.00	230,000.00	230,000.00
Jumlah	6,995,200.00	7,971,100.00	9,075,100.00	9,050,000.00	9,000,000.00

Sumber: MUJIP dan PKZP

Maklumat aliran kutipan zakat sangat penting untuk merangka anggaran peruntukan agihan yang relevan. Misalnya peruntukan tahun 1996 hingga 1998

meningkat manakala pada tahun 1999 dan 2000 dikurangkan sedikit setelah mengambil kira petunjuk ekonomi negara semasa. Oleh itu, didapati tidak banyak perbezaan antara kutipan sebenar dengan anggaran peruntukan agihan tahunan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2 (b).

Jadual 4.2 (b): Perbezaan Di antara Kutipan Dan Anggaran Peruntukan Agihan Zakat Bagi Tahun 1996 – 2000

Tahun	Kutipan	Peruntukan	Perbezaan
1996	7,591,196.00	6,995,200.00	595,996.00
1997	9,286,765.00	7,971,100.00	1,315,665.00
1998	9,818,181.00	9,075,100.00	743,081.00
1999	9,351,902.00	9,050,000.00	301,902.00
2000	13,569,692.00	9,000,000.00	4,569,692.00
Jumlah	49,617,736.00	42,091,400.00	7,526,336.00

Sumber: MUIP dan PKZP

Kertas anggaran peruntukan menjadi panduan kepada Majlis untuk melakukan agihan zakat. Ia tidak tetap malahan boleh dipinda dan diubah mengikut maslahah dan keperluan semasa. Oleh itu, data dan maklumat terkini kutipan zakat yang disalurkan kepada Majlis amat penting untuk membuat penyesuaian semasa bagi menjaga kepentingan asnaf-asnaf berkenaan.

Tidak timbul banyak masalah mengenai perbezaan jumlah kutipan dan anggaran agihan zakat kerana ia boleh dipinda dan disesuaikan bagi

menyempurnakan tuntutan Syarak. Misalnya bahagian amil ditambah menjadi RM 1,696,211.50 daripada anggaran asal sebanyak RM 1,125,000.00 pada tahun 2000. Anggaran kutipan bagi berkenaan ialah RM 9,000,000 sedangkan kutipan sebenar ialah RM 13,569,692.00.

Untuk melicinkan pengagihan zakat, Majlis mengkategorikan setiap golongan mengikut asnaf-asnaf yang sesuai. Misalnya perincian terhadap peruntukan agihan zakat tahun 1998 – 1999 seperti mana yang ditunjukkan oleh Jadual 4.2 (c).

Daripada data-data agihan yang diperolehi sehingga tahun perbelanjaan 2000, persoalan yang timbul ialah institusi pengagihan tidak membelanjakan semua peruntukan yang dicadangkan. Biasanya bahagian amil sahaja yang habis diagihkan berdasarkan peruntukan satu perlapan. Dalam sesetengah keadaan terdapat pindahan peruntukan untuk menampung perbelanjaan asnaf yang lebih memerlukan. [Lihat Jadual 4.2 (d)].

Pada tahun 1998, peruntukan amil dipinda menjadi RM 1,227,272.60, iaitu tambahan sebanyak RM 92,872.60 daripada anggaran agihan. Pada tahun 2000 pula bahagian amil ditokok sebanyak RM 43,587.70 menjadi RM 1,168,987.70.

Jadual 4.2 (c): Peruntukan Agihan Zakat Bagi Tahun 1998 - 1999

Asnaf	1998	Keterangan	1999
Fakir	250,000.00	a) Bantuan bulanan/ Hariraya b) Bantuan kemalangan/ kematian/ bencana c) Bantuan kemudahan asas	230,000.00
Miskin	1,310,000.00	a) Bantuan bulanan/ Hariraya b) Bantuan kemalangan/ kematian/ bencana c) Bantuan kemudahan asas	1,115,000.00
Amil	1,134,400.00	Satu perlapan	1,125,000.00
Muallaf	435,500.00	a) Saguhati/ hadiah saudara baru b) Bantuan sambutan Hariraya/ majlis sambutan c) Sumbangan untuk badan pertubuhan/ clauan Pegawai Dakwah / kelas Fardu Ain	390,000.00
Riqab	30,000.00	a) Membebaskan pekerja Islam yang tertindas b) Pembebasan daripada kegiatan maksiat c) Pembebasan daripada cengkaman kejahilan	30,000.00
Gharimin	100,000.00	a) Menebus tanah orang Islam yang tergadai b) Orang berhutang untuk menegakkan Islam c) Orang berhutang untuk keperluan asas spt. makanan, pendidikan, perubatan, kematian.	100,000.00
Fi Sabillillah	5,585,200.00	a) Sumbangan kepada Tabika Islam b) Pusat Dakwah Islamiyah Pekan c) Gaji guru Bantuan Sementara Majlis d) Saguhati kelas al-Quran kanak-kanak e) Saguhati pegawai masjid sukarela/ al-Hafiz f) Bantuan perkaitan Sek. Agama Majlis g) Bantuan Masjid Surau pada bulan puasa h) Bantuan peperiksaan (Dalam Negeri)/ Dermasiswa i) Derma keagamaan/ kebajikan j) Kursus-kursus agama/ pembelian bahan bacaan k) Bantuan peralatan/ selenggaraan/ baik pulih sekolah Majlis, kelas al-Quran, Tabika dan masjid/ surau l) Pembinaan bangunan Tabika Pahang m) Bantuan kepada umat Islam yang ingin bertaubat	5,530,000.00
Ibnu Sabil	230,000.00	a) Musafir b) Bantuan tambang pelajar ke luar negeri	230,000.00
JUMLAH	9,075,100.00		9,050,000.00

Sumber: MUIP dan PKZP

Peruntukan untuk asnaf *Ibnu Sabil* juga dipinda dengan tambahan RM 76,470.00 meningkat kepada RM 306,470.00.

Jadual 4.2 (d): Agihan Zakat Bagi Tahun 1998 – 1999 Mengikut Asnaf

Asnaf	1998			1999		
	P'tukan	Belanja	Baki	P'tukan	Belanja	Baki
Fakir	250,000.00	230,988.00	19,012.00	230,000.00	85,300.00	144,700.00
Miskin	1,310,000.00	520,580.00	789,420.00	1,115,000.00	209,280.00	905,720.00
Amil	1,134,400.00	1,227,272.60	-92,872.60	1,125,000.00	1,168,987.70	-43,587.70
Muallaf	435,500.00	225,675.18	209,824.82	390,000.00	178,484.00	212,016.00
Riqab	30,000.00	-	30,000.00	30,000.00	-	30,000.00
Għarimmin	100,000.00	-	100,000.00	100,000.00	-	100,000.00
Fi Sabili l-lah	5,585,200.00	4,649,155.10	936,044.90	5,530,000.00	4,368,605.00	1,161,395.00
Ibnu Sabil	230,000.00	114,458.19	115,541.81	230,000.00	306,470.00	-76,470.00
JUMLAH	9,075,100.00	6,968,128.90	2,106,971.10	9,050,000.00	6,317,126.70	2,732,873.30

Sumber: MUIP dan PKZP

- Pengurangan

Tambahan peruntukan kepada amil dilakukan kerana jumlah kutipan zakat sebenar melebihi jangkaan. Oleh itu, nilai peruntukan satu perlapan kepada amil turut bertambah. [Lihat Jadual 4.2 (e)].

Jadual 4.2 (e): Perbezaan Di antara Anggaran Dan Kutipan Zakat Bagi Tahun 1998 – 1999

1998				1999			
Anggaran	Kutipan	Beza	%	Anggaran	Kutipan	Beza	%
9,075,100.00	9,818,181.00	743,081.00	7.57	9,050,000.00	9,351,902.00	301,902.00	3.23

Sumber: MUIP dan PKZP

Dikaji dari sudut asnaf, sepanjang tahun 1998 – 1999, bahagian *Riqāb* dan *Għarimīn* tidak sedikitpun dibelanjakan, begitu juga tahun-tahun sebelumnya. Alasannya sukar untuk menemui golongan hamba dan orang-orang yang berhutang dan layak dibantu melalui peruntukan zakat.

Amalan ini tidak selaras dengan pandangan-pandangan ulama yang lebih luas mengenai tafsiran *Riqāb* dan *Għarimīn*. Muhammad Rasyid Riḍā misalnya berpendapat wajar menggunakan peruntukan *Riqāb* bagi tujuan membebaskan diri daripada penjajahan.⁸

Pandangan ini diperkuatkan oleh pendapat Mahmud Syaltut bahawa konsep pembebasan hamba meliputi aspek yang luas seperti pemikiran, ekonomi dan kekuasaan misalnya memberikan diri daripada kongkongan pemerintah yang zalim.⁹

Manakala peruntukan kepada *Għarimīn* meliputi mereka yang berhutang untuk kepentingan awam. Begitu juga orang-orang yang terpaksa berhutang untuk mencukupkan prasarana dan tidak mampu membayarnya. Konsepnya adalah bantuan untuk melepaskan mereka daripada bebanan hutang.¹⁰

Justeru itu, tindakan tidak membelanjakan peruntukan kepada *Riqab* dan *Ghārimīn* adalah alasan pentadbiran yang tidak sepatutnya dibiarkan berterusan.

Sepanjang tahun 1998, sebanyak 39.7 peratus daripada peruntukan asraf miskin diagihkan. *Ibnu Sabīl* pula 49.8 peratus, muallaf 51.8 peratus, *Fī Sabīlillah* 83.2 peratus dan fakir 92.4 peratus. Manakala bahagian amil ditokok kerana agihan melebihi peruntukan sebanyak 8.8 peratus.

Jadual 4.2 (f): Peratusan Agihan Zakat Bagi Tahun 1998 – 1999 Mengikut Asraf

Asraf	1998			1999		
	P'tukan	Belanja	Peratus Belanja	P'tukan	Belanja	Peratus Belanja
Fakir	250,000.00	230,988.00	92.4 %	230,000.00	85,300.00	37.1 %
Miskin	1,310,000.00	520,580.00	39.7 %	1,115,000.00	209,280.00	18.8 %
Amil	1,134,400.00	1,227,272.60	108.9%	1,125,400.00	1,168,987.70	103.9%
Muallaf	435,500.00	225,675.08	51.8 %	390,000.00	178,484.00	45.8 %
Riqab	30,000.00	-	-	30,000.00	-	-
Ghārimīn	100,000.00	-	-	100,000.00	-	-
<i>Fī Sabīlillah</i>	5,585,200.00	4,649,155.10	83.2 %	5,530,000.00	4,368,605.00	79 %
<i>Ibnu Sabīl</i>	230,000.00	114,458.19	49.8 %	230,000.00	306,470.00	133.2%
Jumlah	9,075,100.00	6,968,128.90	76.78%	9,050,000.00	6,317,126.70	69.80%

Sumber: MUIP dan PKZP

Untuk tahun 1999, peratusan perbelanjaan bagi peruntukan kepada asraf miskin berkurang kepada 18.8 peratus. Perbelanjaan untuk fakir 37.1 peratus,

muallaf 45.8 peratus dan *Fi Sabīlillāh* 79 peratus. Manakala agihan kepada amil dan *Ibnu Sabīl* tahun ini melebihi anggaran, masing-masing sebanyak 3.9 peratus dan 33.2 peratus. [Lihat Jadual 4.2 (f)].

Dari satu aspek, didapati peruntukan tahunan kepada asnaf *Fi Sabīlillāh* sangat besar berbanding asnaf-asnaf yang lain. Peruntukan untuk asnaf ini misalnya pada tahun 1998, 1999 dan 2000 adalah 61.55 peratus, 61.10 peratus dan 64.23 peratus daripada jumlah anggaran agihan pada tahun-tahun berkenaan. [Lihat Jadual 4.2 (g)].

Jadual 4.2 (g):

**Perbandingan Antara Anggaran Agihan Zakat
Tahunan Dengan Peruntukan Kepada Asnaf *Fi
Sabīlillāh* bagi tahun 1998 – 2000**

1998			1999			2000		
Jumlah P'tukan	P'tukan Sabiliyah	%	Jumlah P'tukan	P'tukan Sabiliyah	%	Jumlah P'tukan	P'tukan Sabiliyah	%
9,075,100	5,585,200	61.55	9,050,000	5,530,000	61.10	9,000,000	5,780,000	64.23

Sumber: MUIP

Daripada butiran perbelanjaan asnaf ini dijadapati tertumpu kepada bentuk-bentuk agihan mudah (tidak memerlukan kajian dan perancangan yang mendalam), seperti saguhati kepada guru kelas al-Quran dan pegawai masjid

sukarela, dermasiswa, sumbangan untuk masjid/ surau dan pembiayaan Tabika Islam. [Lihat Jadual 4.2 (h)].

Jadual 4.2 (h): Butir-Butir Perbelanjaan Asnaf Fi Sabillillah Bagi Tahun 1998/ 2000

Jenis Perbelanjaan	1998	2000
a) Sumbangan Tabika Islam negeri Pahang	928,900.00	1,250,000.00
b) Sumbangan kepada PULATIS	-	30,000.00
c) Sumbangan Pusat Dakwah Pekan	10,000.00	-
d) Gaji/ elaua guru agama/ Arab sementara Majlis	180,000.00	280,000.00
e) Saguhati guru kelas al-Quran kanak-kanak	1,300,000.00	1,500,000.00
f) Saguhati pegawai masjid sukarela	2,001,100.00	1,040,000.00
g) Saguhati Hafiz al-Quran	200,000.00	200,000.00
h) Bantuan Perkapita Sek. Agama Majlis	67,340.00	200,000.00
i) Bantuan masjid/ surau pada bulan puasa	432,660.00	350,000.00
jj) Bantuan peperiksaan (pelajar dalam negeri)	50,000.00	40,000.00
k) Dermasiswa (Dalam/ Luar Negeri)	300,000.00	300,000.00
l) Biasiswa tajaan MUIP	-	30,000.00
m) Derma keagamaan/ kebajikan	80,000.00	80,000.00
n) Kursus-kursus agama	60,000.00	200,000.00
o) Pembelian bahan bacaan/ rujukan	30,000.00	50,000.00
p) Selenggara/ baik pulih sekolah agama, kelas al-Quran kanak-kanak dan Tabika Islam	100,000.00	150,000.00
q) Selenggara masjid/ surau	90,000.00	70,000.00
r) Bantuan kepada umat Islam yang ingin kembali ke jalan Allah	5,200.00	5,000.00
s) Pelbagai	30,000.00	25,000.00
JUMLAH	5,585,200.00	5,780,000.00

Sumber: MUIP

Keseluruhannya, perbelanjaan berdasarkan anggaran bagi tahun kewangan 1998 ialah 76.79 peratus manakala untuk tahun berikutnya 69.80 peratus. Agihan

berdasarkan jumlah kutipan sebenar pada tahun 1998 ialah 70.97 peratus dan 67.55 peratus bagi tahun 1999. (Lihat Jadual 4.2 (i) dan 4.2 (j)].

Jadual 4.2 (i):

Peratusan Perbelanjaan Berdasarkan Anggaran Kutipan Bagi Tahun 1998 – 1999

1998			1999		
P'tukan	Belanja	% Belanja	P'tukan	Belanja	% Belanja
9,075,100.00	6,968,128.90	76.79 %	9,050,000.00	6,317,126.70	69.80 %

Sumber: MUIP dan PKZP

Jadual 4.2 (j):

Peratus Perbelanjaan Berdasarkan Kutipan Sebenar Zakat Bagi tahun 1998 – 1999

1998			1999		
Kutipan	Belanja	% Belanja	Kutipan	Belanja	% Belanja
9,818,181.00	6,968,126.90	70.97 %	9,351,902.00	6,317,126.70	67.55 %

Sumber: MUIP dan PKZP

Bagi tahun kewangan 2000, sejumlah RM 13,569,692.00 zakat dikutip bagi seluruh negeri Pahang. Anggaran pengagihan ialah RM 9,000,000.00 iaitu, kurang RM 4,569,692.00 daripada kutipan sebenar. Sehingga 31hb. Ogos 2000, sejumlah RM 1,972,762.45 telah dibelanjakan. Ertinya masih terdapat RM

7,027,237.55 yang perlu diagihkan untuk tempoh empat bulan selepas itu. [Lihat Jadual 4.2 (k)].

Jadual 4.2 (k): Agihan Zakat Sehingga 31 Ogos 2000

Asnaf	Peruntukan	Perbelanjaan	%	Baki	%
Fakir	230,000.00	-	-	230,000.00	100 %
Miskin	1,115,000.00	11,047.20	1.0 %	1,103,952.80	99 %
Amil	1,125,000.00	519,339.97	46.2 %	605,660.03	53.8 %
Muallaf	390,000.00	81,512.00	20.9 %	308,988.00	79.1 %
Riqab	30,000.00	-	-	30,000.00	100 %
Gharimin	100,000.00	-	-	100,000.00	100 %
Fi Sabillah	5,780,000.00	1,125,568.70	19.5 %	4,654,431.30	80.5 %
Ibnu Sabil	230,000.00	53,208.30	23.1 %	176,791.70	76.9 %
Jumlah	9,000,000.00	1,972,762.45	21.9 %	7,027,237.55	78.1 %

Sumber: MUIP dan PKZP

Jika dihalusi, sehingga lapan bulan pertama tahun 2000, kira-kira 21.92 peratus sahaja peruntukan anggaran yang dibelanjakan. Ertinya 14.54 peratus sahaja zakat bagi seluruh negeri Pahang pada tahun itu dibelanjakan sehingga bulan Ogos.

NOTA HUJUNG:

¹ Temubual dengan Haji Halidan Md. Daud pada 10 Januari 2001 di pejabat PKZP, Kuantan.

² *Ibid.*

³ Al-Qaradawi (1985). *Op.cit.*, hal. 832.

⁴ Al-Nawawi (1972). Jld. 5. *Op.cit.*, hal.. 337.

⁵ *Ibid.*, hal. 335

⁶ Ibn Qudamah (1972). *Op.cit.*, hal. 674 – 683

⁷ Ibn Rusyd (1969). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jld. 1. Kaherah : Istiqāmah, hal. 241

⁸ Muhammad Rasyid Ridā (1368 H). *Tafsīr al-Manār*. Jld. 10. Mesir : Dar al-Manār, hal. 598

⁹ Mahmud Syaltut (1972). *Al-Islām: Aqidatan wa Syari'atan*. Cet. 6. Kaherah : Dar al- Syuruq, hal. 446

¹⁰ Al-Qaradawi (1985). *Op.cit.*, hal. 622 – 635.